



SIARAN AKHBAR
ALERT LIST AMBD TELAH DIKEMASKINIKAN

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam [AMBD] ingin memaklumkan orang ramai bahawa Alert List AMBD telah dikemaskinikan.
2. Alert List AMBD adalah senarai individu, syarikat dan laman web yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah kawalan AMBD, atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalahi undang-undang. Senarai ini adalah tanpa prejedis kepada sebarang penilaian lanjut oleh AMBD mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan.
3. AMBD juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa individu, syarikat atau entiti yang telah dimasukkan ke dalam Alert List AMBD bagi bulan Mei 2021 adalah seperti berikut:
 - a) Alan Wong Loan Settlement [FB Profile] [8300641]; dan
 - b) Billah FinService Organization [FB Profile]
4. Alert List AMBD yang telah dikemaskinikan boleh didapati melalui laman web AMBD di www.ambd.gov.bn. Senarai syarikat-syarikat dan individu-individu yang dilesenkan oleh AMBD juga boleh didapati di laman web yang sama.
5. AMBD juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan orang ramai bahawa AMBD telah mendapati beberapa halaman Facebook yang digunakan sebagai platform untuk menawarkan aktiviti-aktiviti kewangan termasuk produk serta perkhidmatan kewangan yang tidak berlesen dan tidak dikawalselia. Ini adalah termasuk halaman Facebook “Via Tempat Minjam Duit Tahan Item/ATM”.
6. AMBD ingin menekankan agar orang ramai hanya berurusan dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen dan seterusnya, berwaspada dengan penyedia-penyedia perkhidmatan kewangan atau entiti pihak ketiga tidak berlesen yang menawarkan bantuan untuk mendapatkan produk atau perkhidmatan kewangan melalui media sosial. Sebarang urusan dengan entiti atau syarikat dan/atau individu yang tidak dikawalselia oleh AMBD tidak akan dilindungi di bawah rangka kerja penyeliaan yang ditadbir oleh AMBD.
7. AMBD akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam. AMBD juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam. Jika orang ramai mempunyai

sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi AMBD melalui talian 2380007 atau emel melalui fci@ambd.gov.bn.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 5 Zulkaedah 1442H / 16 Jun 2021M

Rujukan: AMBD/COMMS/3